

UTHM komited lahir tenaga mahir

Mahu wujudkan pusat latihan, diiktiraf sebagai ICOE dalam bidang kejuruteraan rel

KAMARUL HALIM M KAMAL

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) komited untuk melahirkan tenaga mahir dalam teknologi berkaitan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR).

UTHM yakin mampu menjadi rakan berkredibiliti dengan mana-mana pihak dalam usaha mewujudkan pusat latihan setelah diiktiraf sebagai Industry Centre of Excellence (ICOE) dalam bidang kejuruteraan rel.

Menurut Naib Canselor, Profesor Dr Wahid Razzaly menyatakan, untuk rekod, Duta Besar Jepun ke Malaysia, Dr Makio Miyagawa sebelum ini berminat bekerjasama dengan UTHM.

Katanya, bagi mencapai hasrat tersebut, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bakal bekerjasama kerana merupakan lokasi paling sesuai sebagai pusat latihan dan kecemerlangan.

"Pusat ini akan menjadi teras pemindahan teknologi dan pelan pembangunan modal insan Jepun bagi membolehkan rakyat Malaysia dan Singapura memperoleh teknologi kereta api laju Shinkansen yang dihasilkan Jepun lebih 50 tahun lepas, sebelum membolehkan kedua-dua negara melaksanakan operasi sistem kereta api berkenaan di peringkat negara masing-masing.

"Sebagai universiti awam yang sentiasa bersedia membantu negara dalam aspek pembangunan sumber manusia, UTHM juga berterusan meningkatkan kebolehsaingan dengan melakukan beberapa usaha termasuk memperkenalkan program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan Rel.

"Pengambilan pertama akan dibuat pada September tahun ini bagi melahirkan jurutera teknologi khas dalam bidang kejuruteraan rel," katanya dalam kenyataan.

Tambahnya, sejak 2002 hingga 2017, UTHM melahirkan 17,000 jurutera dan 9,068 teknologis untuk negara dan mereka ini mempunyai asas dalam bidang kejuruteraan konvensional iaitu kejuruteraan awam, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan mekanikal dan kejuruteraan komputer.

Katanya, keempat-empat bidang ini turut diperlukan dalam membangunkan industri rel sekali gus UTHM akan berterusan mengambil tenaga pengajar dari industri untuk sama-sama membangunkan perkara ini.

Info

UTHM, UTeM bakal bekerjasama, lokasi paling sesuai sebagai pusat latihan

"Universiti ini juga mensasarkan akan mempunyai 50 peratus tenaga akademik yang mempunyai pengalaman industri dan 30 peratus lagi mempunyai kelayakan profesional menjelang 2020.

"Ini bermaksud industri dan akademia perlu sentiasa bekerjasama kerana saya yakin industri tanpa universiti akan menyebabkan industri malap manakala universiti tanpa industri akan menyebabkan universiti itu tidak relevan," katanya.

Sementara itu, menurut Ketua Pusat Kecemerlangan Industri Pengangkutan Rel (ICOE-REL), Profesor Dr Khalid Hasnan, UTHM dipilih sebagai universiti peneraju program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan Rel.

Katanya, untuk program ini, UTHM bekerjasama dengan Sheffield Hallam University (SHU) di United Kingdom dan sebelum ini, UTHM telah menawarkan program Sarjana Sains Kejuruteraan Pengangkutan Rel sejak 2012 dengan kerjasama University of Birmingham, UK.

"SHU dipilih

berdasarkan latar belakangnya yang mempunyai pengalaman luas terhadap program Sarjana Muda Kejuruteraan Pengangkutan Rel, selain memiliki persamaan dengan UTHM dalam konteks modul program iaitu menawarkan pengajian yang disulami dengan setahun dalam industri.

"Universiti tersebut telah melakukan program ini sejak 2004 dan diharap dapat membantu perkembangan program ini di rantau ini dan dalam masa terdekat, UTHM juga akan mengadakan kerjasama dengan Beijing

Jiaotong University bagi berkongsi kepakaran akademik dan penyelidikan dalam bidang rel," katanya.



WAHID